

CNI FIRE SENS FORTE METHOLATED RUB

Methyl salicylate (25.00% w/w), Menthol (14.50% w/w), Camphor (7.68% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan CNI Fire Sens Forte Mentholated Rub
2. Bagaimana CNI Fire Sens Forte Mentholated Rub berfungsi
3. Sebelum menggunakan CNI Fire Sens Forte Mentholated Rub
4. Cara menggunakan CNI Fire Sens Forte Mentholated Rub
5. Semasa menggunakan CNI Fire Sens Forte Mentholated Rub
6. Kesan-kesan simpangan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CNI Fire Sens Forte Mentholated Rub
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan CNI Fire Sens Forte Mentholated Rub

Untuk melegakan sakit-sakit otot dan sendi, reumatik, sakit belakang dan sakit salah urat

Bagaimana CNI Fire Sens Forte Mentholated Rub berfungsi

Disapu pada kulit sebagai ubat luaran, kesan sejuk dirasakan pada mulanya diikuti dengan rasa hangat dan ia meredakan rasa sakit yang boleh bertahan selama beberapa jam

Sebelum menggunakan CNI Fire Sens Forte Mentholated Rub

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan jika anda hipersensitif atau alah kepada bahan-bahan yang terkandung dalam produk

-Sebelum mula menggunakan

Jika anda berkulit sensitif, cuba pada permukaan kulit yang kecil terlebih dahulu.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor sekiranya anda ada mengambil ubat lain yang dibeli dengan atau tanpa preskripsi.

Untuk pesakit yang mengambil ubat warfarin (ubat cair darah), penggunaan berlebih mungkin menyebabkan risiko pendarahan

Cara menggunakan CNI Fire Sens Forte Mentholated Rub

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi

-Berapa banyak harus digunakan

Sapukan secukupnya pada bahagian yang sakit

-Bila perlu digunakan

Gunakan apabila memerlukan atau mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda

-Berapa lama perlu digunakan

Disarankan menggunakan ubat ini 3-4 kali sehari atau atas arahan doktor/ahli farmasi

-Jika terlupa menggunakan

Sila rujuk dengan doktor tentang apa yang anda perlu lakukan jika terlupa menggunakannya. Anda mungkin akan terus mengalami gejala ketidakselesaan yang disenaraikan

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Anda mungkin berasa tidak selesa seperti pening kepala dan rasa hendak muntah. Hentikan penggunaan ubat ini serta-merta dan rujuk kepada doktor atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital berdekatan

Semasa menggunakan CNI Fire Sens Forte Mentholated Rub

-Perkara yang perlu dilakukan

Sapukan pada bahagian yang sakit perlahan-lahan sehingga diserap

sepenuhnya. Untuk ibu mengandung atau ibu yang menyusukan anak, sila rujuk doktor sebelum menggunakannya

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan tersentuh mata
- Jangan menggunakan pada luka kulit atau luka terbuka
- Jangan sapu pada bahagian nostril hidung
- *Camphor* boleh menyebabkan sawan. Jangan gunakan pada kanak-kanak berusia dibawah 2 tahun
- Jauhkan daripada membran mukus dan luka terbuka
- Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jika sakit berlarutan, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi
- Produk ini tidak boleh digunakan oleh kanak-kanak dibawah umur 2 tahun
- Adalah memudaratkan sekiranya *camphor* disapu pada bahagian nostril hidung kanak-kanak. Ia akan menyebabkan kanak-kanak pengsan walaupun dengan dos sedikit
- Berhati-hati penggunaan untuk kanak-kanak yang lebih tua

Kesan-kesan simpangan

Mungkin menyebabkan tindakbalas alahan/sensitiviti termasuk *contact dermatitis* pada pesakit yang berkulit sensitif

CNI FIRE SENS FORTE METHOLATED RUB

Methyl salicylate (25.00% w/w), Menthol (14.50% w/w), Camphor (7.68% w/w)

BOLEH MENYEBABKAN
SAWAN
TIDAK BOLEH DIGUNAKAN
OLEH KANAK-KANAK
DIBAWAH UMUR 2 TAHUN
BERHATI-HATI
PENGUNAAN UNTUK
KANAK-KANAK YANG LEBIH
JANGAN SAPU PADA
BAHAGIAN NOSTRIL HIDUNG

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Methyl salicylate - 25.00%w/w

Menthol - 14.50%w/w

Camphor - 7.68%w/w

-Bahan tidak aktif

Paraffin, Petrolatum, *Eucalyptus oil*,

Tea Tree oil, *Nutmeg oil*

- MAL number:

MAL20086019XC

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Q-PACK (M) SDN BHD
(199201022779)

No.2, Jalan Perunding U1/17,
Hicom-Glenmarie Industrial Park,
Seksyen U1 40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

- 06/01/2026

Nombor Siri

NPRA(R2)20/053

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*]

Cara penyimpanan dan pelupusan CNI Fire Sens Forte Mentholated Rub

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Jauhkan daripada kanak-kanak

-Pelupusan

Jangan gunakan selepas tarikh luputnya. Jangan dibuang ke saluran pengairan dan pembuangan sampah domestik. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Salap yang berwarna kelabu putih dengan ciri bau *Methyl Salicylate* *Menthol*, *Camphor*